

# **KEUNTUNGAN SEBELUM CUKAI (PBT) MSM MELONJAK 223% KEPADA RM 64.55 JUTA PADA SEPARUH PERTAMA 2021 (1H 2021)**

**KUALA LUMPUR, OGOS 25, 2021** – MSM Malaysia Holdings Berhad mencatatkan Keuntungan Sebelum Cukai (PBT) sebanyak RM 64.55 juta bagi separuh tahun pertama yang berakhir 30 Jun 2021 (1H 2021), dengan 221% lebih tinggi berbanding Kerugian Sebelum Cukai (LBT) sebanyak RM 52.52 juta bagi tempoh yang sama pada tahun lalu. Sementara itu, PBT pada S2 2021 adalah dicatatkan sebanyak RM 21.48 juta, peningkatan sebanyak 181% berbanding LBT berjumlah RM 25.27 juta dalam S2 2020. Syarikat berjaya mengekalkan prestasi mampan meskipun mengalami beberapa kekangan operasi, diperkukuhkan lagi dengan margin dan penggunaan kapasiti yang lebih baik, serta kos kewangan yang lebih rendah.

Peningkatan premium untuk segmen Industri dan Eksport gula bertapis telah menghasilkan peningkatan dalam pendapatan syarikat bagi 1H 2021 sebanyak 11.4% kepada RM 1.07 billion berbanding RM 959.58 juta pada 1H 2020, manakala pendapatan untuk suku yang ditinjau mengukuh sebanyak 23.5% kepada RM 554.10 juta berbanding RM 448.74 juta pada suku yang sama tahun lalu.

Margin keuntungan kasar Kumpulan melonjak kepada 7.5% pada S2 2021 berbanding 3.8% pada S2 2020 hasil utama daripada peningkatan dalam Premium Industri. Selain itu, Keuntungan Selepas Cukai (PAT) yang direkodkan pada suku tersebut bertambah sebanyak 162.5% kepada RM 13.47 juta berbanding Kerugian Selepas Cukai (LAT), sebanyak RM 21.55 juta pada suku yang sama tahun lalu. Secara keseluruhannya, MSM merekodkan PAT sebanyak RM 44.65 juta pada 1H 2021, mempamerkan peningkatan sebanyak 179.4% berbanding LAT sebanyak RM 56.26 juta, seperti yang direkodkan pada 1H 2020.

Dalam tempoh yang ditinjau, Kumpulan telah menghadapi beberapa insiden yang memberikan kesan kepada pengeluaran. Pertama, penutupan sementara MSM Sugar Refinery (Johor) Sdn Bhd antara 30 Mac sehingga 26 Mei bagi kerja-kerja penambahbaikan yang terancang dan kedua, penutupan sementara operasi MSM Prai Berhad (MSM Prai) seperti yang diarah oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (MoH) antara 8 hingga 15 Jun,

bagi membolehkan proses sanitasi secara besar-besaran dijalankan di dalam premis berikutan penularan wabak Covid-19 dalam kalangan pekerja.

Menurut Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan MSM, Syed Feizal Syed Mohammad, "Meskipun penutupan tersebut menyebabkan jumlah penghasilan produk-produk nilai-tambah untuk tujuan eksport berkurang termasuk gula cair, pra-campur dan sirap halus, pendapatan bagi eksport gula bertapis telah meningkat sejajar dengan 60% pertambahan dalam jumlah jualan susulan pembukaan semula sempadan."

Sorotan segmen operasi, kos penapisan bagi tempoh yang ditinjau adalah lebih rendah berbanding tahun sebelumnya, ekoran kos bahan pembungkusan yang lebih rendah dan pengurangan kos bahan bakar susulan semakan semula tarif gas. Meskipun operasi pengeluaran tertangguh, MSM kekal optimis dengan keupayaan pengeluaran MSM Johor, dengan mensasarkan 50% kadar penggunaan (UF) pada S2 2021, didokong oleh peningkatan permintaan eksport. Sebagai tambahan, kemudahan fasiliti pengeluaran produk-produk nilai-tambah juga akan ditambahbaik untuk memenuhi permintaan yang semakin meningkat.

"Secara strategik, kepantasan pertumbuhan pada setengah tahun kedua akan turut dipacu oleh harga dan jumlah jualan yang lebih kukuh untuk segmen Domestik serta prospek pasaran eksport yang mengalakkan. Kami telah melindungi nilai sepenuhnya gula mentah bagi keperluan pasaran borong domestik pada FY2021 dan menjangkakan 10% pertumbuhan dalam jumlah jualan domestik," jelas Syed Feizal.

"Kini, MSM telah menjamin kontrak eskport sebanyak 65% daripada sasaran awal sebanyak 350,000 tan untuk Tahun Kewangan 2021. Kelonggaran sekatan secara berperingkat bagi negara-negara di sekitar rantau dijangka akan lebih merangsang permintaan dan meningkatkan jumlah eksport khususnya ke negara Vietnam yang mewakili 55% daripada pasaran ekport kami," tambah beliau.

Melangkah ke hadapan, "Gula Prai", dengan menduduki tempat ketiga teratas Barangan Pengguna Cepat Laris (FMCG) dalam kategori jenama makanan dan minuman yang menjadi pilihan di Malaysia, juga merupakan antara pengeluar gula global terkemuka, akan mengasah fokus dalam melaksanakan pelan-pelan strategik seperti yang digariskan dalam rangka perniagaan syarikat meliputi pergerakan pemulihan melalui pengoptimuman aset,

kekalkan berdaya tahan dengan aliran tunai yang lebih kukuh di samping membina integrasi menuju prestasi yang mampan.

**-TAMAT-**

#### **Maklumat MSM Malaysia Holdings Berhad (MSM)**

MSM Malaysia Holdings Berhad (MSM) adalah pengeluar gula bertapis terkemuka di Malaysia yang terlibat dalam pengeluaran, pemasaran dan penjualan produk gula bertapis di bawah jenama. Syarikat ini menjalankan perniagaan terutamanya melalui dua anak syarikatnya, MSM Prai Berhad dan MSM Sugar Refinery (Johor) Sdn Bhd. Di samping itu, MSM juga mengendalikan syarikat logistik - MSM Logistics Sdn Bhd.

Pada masa ini, kapasiti pengeluaran tahunan MSM mencecah 2.05 juta tan gula bertapis. Pada tahun 2020, MSM mengeluarkan sebanyak 1,010,215 tan gula bertapis, di mana 270,628 tan adalah untuk pasaran eksport. Ketika ini, MSM menguasai 60% majoriti syer pasaran domestik. Ditubuhkan pada 10 Mac 2011, MSM disenaraikan di Pasaran Utama Bursa Malaysia Securities Berhad pada 28 Jun 2011 dengan modal pasaran sebanyak RM 401 million setakat 31 Disember 2020. MSM menggabungkan kejayaan ekonomi bersama perlindungan alam sekitar dan tanggungjawab sosial untuk masa depan yang mampan.

MSM juga menawarkan pelbagai rangkaian produk daripada gula bertapis putih pelbagai saiz sehinggalah ke gula perang halus. Kesemua produk ini telah dipasarkan dan dijual di dalam pelbagai bentuk pilihan pembungkusan di bawah jenama "Gula Prai". MSM juga turut menjual 'molasses' sejenis produk sampingan yang dihasilkan menerusi proses penapisan gula hingga ke produk penyulingan dan penghasilan etanol, makanan haiwan dan yis di kalangan lain-lain produknya.

MSM menjual ke seluruh rangkaian pengguna di Malaysia dan juga negara-negara lain secara langsung dan tidak langsung menerusi pedagang, pemborong dan pagedarnya. Para pelanggan termasuklah syarikat-syarikat besar yang terlibat di dalam industri makanan dan minuman, farmaseutikal, perhotelan, restoran, rangkaian kedai-kedai makanan serta pengguna isirumah.

Untuk maklumat lanjut, sila layari [www.msmsugar.com](http://www.msmsugar.com)

#### **Pernyataan Berpandangan Ke Hadapan**

Beberapa pernyataan dalam laporan ini mengenai operasi MSM adalah berbentuk pernyataan yang berpandangan ke hadapan. Pernyataan ini boleh dikenal pasti dengan kata-kata kunci seperti "percaya", "menganggarkan", "mengharapkan", "menjangka", "berhasrat", "mungkin", "akan", "merancang", "prospek" dan perkataan lain yang mempunyai maksud yang berkaitan dengan perbincangan mengenai prestasi operasi atau kewangan masa hadapan. Pernyataan ini berkaitan dengan rancangan, objektif, matlamat, strategi, operasi dan prestasi masa hadapan MSM. Keputusan dan hasil sebenarnya mungkin berbeza daripada yang diunjurkan dalam mana-mana pernyataan yang berpandangan ke hadapan disebabkan oleh pelbagai peristiwa, risiko, ketidakpastian dan faktor lain yang terlibat. Kami tidak berhasrat atau tidak menanggung apa-apa obligasi untuk mengemas kini atau meminda mana-mana pernyataan yang berpandangan ke hadapan, sama ada disebabkan oleh maklumat baharu, peristiwa masa hadapan atau sebaliknya.

#### **Untuk pertanyaan media, sila hubungi:**

**Siti Noorbaya Mohd Yunus**  
+603 2181 5018 ext. 137  
+6016 677 6118  
[noorbaya.my@msmsugar.com](mailto:noorbaya.my@msmsugar.com)

**Ahmad Izwan Osman**  
+603 2181 5018 ext. 154  
+6017 440 1027  
[ahmadizwan.o@msmsugar.com](mailto:ahmadizwan.o@msmsugar.com)